



MITI/STS/(S)/701-2(4)

6 April 2015

En Walter Culas
Pengerusi
Airfreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM)

Tuan,

**Akta Perdagangan Strategik 2010
Prosedur Pelepasan Eksport bagi Aktiviti Transit, *Tranship* dan Pembrokeran Komponen
dan Alat Ganti**

Sukacita saya merujuk kepada surat Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) KE.HE (44) 413/03-1klt.5(38) bertarikh 16 Mac 2015 berhubung taklimat prosedur pelepasan eksport, transit, *tranship* dan *brokering* bagi komponen dan alat ganti kapal terbang di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010 (STA).

2. Taklimat dan perbincangan telah diadakan pada 30 Mac 2015 (Isnin) di Kompleks Kargo, KLIA bersama pihak JKDM, MITI serta AFAM dan telah bersetuju dengan perkara-perkara berikut:

- i. Syarikat adalah bertanggungjawab untuk menyemak Senarai Barang Strategik di bawah STA yang boleh diakses di laman web www.miti.gov.my → Strategic Trade Act 2010 sebelum membuat pengisytiharan sama ada barangan mereka tertakluk di bawah STA atau tidak. Kawalan eksport barang di bawah STA adalah berdasarkan Kod Kategori. Komponen dan alat ganti kapalterbang adalah di bawah Kod Kategori ML10, 7A003, 9A001 dan 9A003.
 - ML10 : Komponen dan alat ganti yang direkabentuk untuk kegunaan ketenteraan perlu mendapatkan permit STA. Walau bagaimanapun, komponen dan alat ganti yang pada asalnya direkabentuk untuk tujuan ketenteraan tetapi disahkan oleh pihak berkuasa penerbangan awam (*civil aviation authority) untuk kegunaan komersial/ awam adalah dikecualikan daripada permit STA;
 - 7A003 : *Inertial Navigation System* yang disahkan oleh pihak berkuasa penerbangan awam untuk kegunaan komersial/ awam adalah dikecualikan daripada permit STA;
 - 9A001/3 : *Aero Gas Turbine Engines* yang disahkan oleh pihak berkuasa penerbangan awam untuk kegunaan komersial/ awam adalah dikecualikan daripada permit STA.

*Nota: Pihak berkuasa penerbangan awam/civil aviation authority adalah merujuk kepada Jabatan Penerbangan Awam negara-negara anggota Wassenaar Arrangement seperti di lampiran.

- ii. Pengisytiharan dalam Borang Kastam adalah berdasarkan pengisytiharan sendiri (*self-declaration*). Dalam hal di mana deklarasi yang dibuat menyatakan bahawa barang yang dieksport bukan barang kawalan di bawah STA, maka pengeksportan barang berkaitan tidak memerlukan permit STA. Walau bagaimanapun, pihak JKDM berhak menjalankan pemeriksaan rambang di bawah sistem pengurusan risiko (*risk management system*), sekiranya perlu;
 - iii. Pengeksport dikehendaki membuat deklarasi eksport secara lebih terperinci dalam Borang Kastam dengan menyatakan samada komponen dan alat ganti kapal terbang tersebut adalah untuk kegunaan komersial/awam atau tujuan ketenteraan;
 - iv. Bagi syarikat yang menjalankan aktiviti pengeksportan alat ganti kapal terbang bagi pihak Kerajaan Malaysia (contohnya Tentera Darat, Laut dan Udara) dan ingin menggunakan kemudahan pengecualian permit STA di bawah Peraturan 22, Peraturan-peraturan Perdagangan Strategik 2010, surat pelantikan rasmi daripada agensi Kerajaan yang berkaitan hendaklah dikemukakan kepada pihak JKDM untuk tujuan tersebut;
 - v. MITI akan bekerjasama dengan JKDM untuk menjalankan *post-shipment evaluation* atau audit ke atas syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti eksport barang alat ganti kapal terbang sebagai sebahagian daripada sistem pengurusan risiko.
3. Adalah diharapkan hasil perbincangan dan persetujuan yang telah dicapai dalam sesi taklimat ini akan membantu memudahkan pihak industri dan JKDM dalam proses pengeksportan komponen dan alat ganti kapal terbang pada masa akan datang.
4. Perhatian dan kerjasama tuan dalam hal ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA
1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN**

Saya yang menurut perintah,



(MUTHAFA YUSOF)
Pengawal Perdagangan Strategik
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

**WASSENAAR ARRANGEMENT ON
EXPORT CONTROLS FOR CONVENTIONAL
ARMS AND DUAL-USE GOODS AND
TECHNOLOGIES.**

List of the Participating States

- | | |
|-------------------|------------------------|
| 1. Argentina | 21. Malta |
| 2. Australia | 22. Mexico |
| 3. Austria | 23. Netherlands |
| 4. Belgium | 24. New Zealand |
| 5. Bulgaria | 25. Norway |
| 6. Canada | 26. Poland |
| 7. Croatia | 27. Portugal |
| 8. Czech Republic | 28. Republic of Korea |
| 9. Denmark | 29. Romania |
| 10. Estonia | 30. Russian Federation |
| 11. Finland | 31. Slovakia |
| 12. France | 32. Slovenia |
| 13. Germany | 33. South Africa |
| 14. Hungary | 34. Spain |
| 15. Ireland | 35. Sweden |
| 16. Italy | 36. Switzerland |
| 17. Japan | 37. Turkey |
| 18. Latvia | 38. Ukraine |
| 19. Lithuania | 39. United Kingdom |
| 20. Luxembourg | 40. United States |